

## Jantina dan kecerdasan emosi: Literatur bersistematik

### *Sex and emotional intelligence: A systematic literature*

Ros Azura Hikmi<sup>1</sup>, Nor Ba' Yah Abdul Kadir<sup>2</sup>, Siti Marziah Zakaria<sup>3</sup>

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
25 JUN 2018	10 OKTOBER 2018	27 NOVEMBER 2018

#### ABSTRAK

*Kecerdasan emosi merupakan satu set kebolehan berhubung dengan persepsi, mengguna, memahami dan mengurus emosi diri sendiri atau orang lain. Kecerdasan emosi memerlukan penyesuaian psikososial yang lebih baik dan kecekapan sosial. Kajian-kajian empirikal menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan adalah berbeza dari segi kecerdasan emosi dan kecekapan sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjelaskan secara sistematik berdasarkan kajian-kajian lepas tentang perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina. Pencarian artikel dimulakan dengan menggunakan pencarian enjin laman sesawang seperti PsycINFO, Scopus, Google Scholar dan SagePub. Hasil pencarian tersebut, 12 kajian sahaja yang memenuhi kriteria kajian ini. Keputusan kajian menunjukkan lapan daripada 12 kajian mendapati bahawa perempuan mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lebih baik berbanding lelaki. Perbincangan hasil kajian menjurus kepada kajian masa depan yang berkaitan dengan peranan jantina dan lain-lain faktor dalam meningkatkan kecerdasan emosi.*

**Kata kunci:** *literatur bersistematik, kecerdasan emosi, gender*

#### ABSTRACT

*Emotional intelligence is a set of abilities for perceiving, using, understanding, and managing emotions in themselves and other people. Emotional intelligence has been associated with a better psychosocial adjustment and social competence. Empirical studies showed that men and women differed in terms of emotional adjustment and social competence. The purpose of this study was to systematically review available evidence on sex differences in emotional intelligence. PsycINFO, Scopus, Google Scholar, and SagePub were searched on relevant articles in English and only 12 eligible studies were identified. Of 12 studies, only eight studies were met for the study criteria. Results showed that more than half studies reported that female's scores high in emotional intelligence than that of males. Most of the studies have used self-report measures to evaluate emotional intelligence. The findings are discussed in relation to future research on the role of gender and other factors to improve emotional intelligence.*

**Keywords:** *systematic literature, emotional intelligence, gender*

<sup>1</sup> Ros Azura Hikmi, Ssa (Psikologi Perkembangan), Universiti Kebangsaan Malaysia, rosazura@gmail.com

<sup>2</sup> Nor Ba' Yah Abdul Kadir, PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, [aknbayah@ukm.edu.my](mailto:aknbayah@ukm.edu.my)

<sup>3</sup> Siti Marziah Zakaria, PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia, marziah@ukm.edu.my

## Pengenalan

Kecerdasan emosi merupakan komponen yang penting sama seperti kecerdasan intelek. Kedua-duanya perlu berfungsi dengan baik untuk mengimbangi antara emosi dan pemikiran apabila berdepan dengan pelbagai perkara dan peristiwa dalam persekitaran sosial yang memerlukan tindakan baik dan memberi manfaat kepada orang lain. Dalam disiplin ilmu psikologi, keupayaan fizikal dan mental yang baik diklasifikasikan sebagai kecerdasan emosi (Fernandez-Berrocal, Salovey, Vera, Extremera, & Ramos, 2005) atau singkatannya adalah EQ. Pada peringkat awal kajian EQ, ia juga dikenali sebagai sebahagian daripada IQ (Intelligence Quotient). IQ merupakan skor ujian piawai untuk menerangkan tahap kecerdasan individu (Grinnell, 2016). Goleman dalam bukunya "Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ" (Rhodes, 2008) menyarankan bahawa EQ adalah lebih penting daripada IQ kerana EQ telah menyumbang sebanyak 66% prestasi pekerja dan 85% prestasi kepimpinan. Kajian-kajian terkini pula meneliti peranan EQ dalam sukan (Laborde et al., 2014), tekanan dan kreativiti (Geher, Betancourt, & Jewell, 2017), personaliti (van der Linden et al., 2017), tingkah laku agresif (García-Sancho, Salguero, & Fernandez-Berrocal, 2014) dan umur (Cabello et al., 2016). Bagaimanapun, kajian-kajian yang meneliti perbezaan EQ mengikut jantina masih tidak jelas dan konsisten dari segi penemuan kajian (Akerjordet, K., & Severinsson, 2007; Cabello et al., 2016). Justeru itu, literatur bersistematik ini bertujuan untuk meneliti sama ada terdapat perbezaan jantina dalam EQ.

### Literatur bersistematik kecerdasan emosi

Setakat ini terdapat tujuh artikel literatur bersistematik tentang kecerdasan emosi (Laborde et al., 2016; Laborde et al., 2014; García-Sancho et al., 2014; Kun & Demetrovics, 2010; Akerjordet & Severinsson, 2010; Zeidner et al., 2004). Literatur tersebut meneliti kecerdasan emosi daripada sudut sukan dan senaman (Laborde et al., 2015), tingkah laku agresif (García-Sancho et al., 2014) dan ketagihan (Kun & Demetrovics, 2010) dan kepimpinan (Akerjordet & Severinsson, 2010). Literatur lain menganalisis kecerdasan emosi di tempat kerja (Zeidner et al., 2004) dan sekolah (Zeidner et al., 2002) manakala satu literatur memfokus kecerdasan emosi daripada perspektif empirikal dan epistemologikal (Akerjordet, 2007). Sehingga kini, tiada lagi literatur bersistematik yang menganalisis kecerdasan emosi dari segi perbezaan jantina.

Laborde et al. (2016) meneliti kajian-kajian lepas secara bersistematik tentang peranan kecerdasan emosi dalam sukan dan senaman. Sebanyak 36 buah kajian lepas telah mengkaji tentang kecerdasan emosi dalam kalangan atlet sukan atau fizikal aktiviti. Penemuan kajian tersebut mendapati kecerdasan emosi dilihat sebagai tret. Kajian literatur tersebut juga mendapati bahawa kecerdasan emosi yang dikaitkan dengan prestasi berhubungan secara positif dengan emosi, respons tekanan fisiologi dan kemahiran psikologi manakala aktiviti fizikal berhubungan dengan tahap aktiviti fizikal dan sikap positif. Perbezaan jantina tidak dilaporkan dalam kajian literatur tersebut.

García-Sancho et al. (2014) pula meneliti hubungan antara kecerdasan emosi dengan kefungsi sosial dan konflik dalam sesebuah perhubungan. Penemuan kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa mereka yang memperoleh skor kecerdasan emosi yang tinggi lebih rendah tingkah laku agresif berbanding mereka yang memperoleh skor yang rendah dalam kecerdasan emosi. Penemuan kajian turut mendapati hubungan antara kecerdasan emosi dan tingkah laku agresif adalah konsisten mengikut umur dan budaya. Tiada laporan tentang perbezaan kecerdasan emosi dan tingkah laku agresif mengikut gender.

Seterusnya, literatur integratif oleh Akerjordet dan Severinsson (2010) mendapat keputusan yang mengejutkan antara kecerdasan emosi dan kepimpinan dalam kalangan jururawat iaitu kecerdasan emosi berkorelasi secara negatif dengan gaya kepimpinan. Kajian tersebut mencadangkan organisasi berkaitan perlu mengambilkira faktor kecerdasan emosi dalam konteks kepimpinan bagi mengurangkan ancaman kepada orang lain.

Kecerdasan emosi turut dikaitkan dengan ketagihan (Kun & Demetrovics, 2010). Kajian literatur bersistematik oleh Kun dan Demetrovics (2010) dijalankan ke atas 36 buah kajian-kajian lepas. Hampir semua kajian menggunakan pensampelan mudah manakala satu kajian menggunakan pensampelan bersistematik dan meta analisis. Kebanyak kajian lepas yang melibatkan sampel klinikal menjadikan jantina dan umur sebagai pemboleh ubah kawalan. Hampir 80% kajian lepas menggunakan sampel orang dewasa dan 20% lagi adalah sampel remaja. Dari segi alat ujian kajian, kebanyakkan kajian menggunakan laporan sendiri dan dua pertiga (2/3) menunjukkan gambar ekspresi wajah. Hampir 80% kajian-kajian lepas menggunakan analisis statistik pelbagai variat untuk menilai perhubungan sebab musabab, lima kajian masing-masing menggunakan korelasi/ujian  $t$  dan analisis varians sehalu. Keputusan kajian literatur bersistematik jelas menunjukkan kecerdasan emosi berhubungan secara negatif dengan tingkah laku merokok, penggunaan alkohol dan dadah. Jelas di sini bahawa tahap kecerdasan emosi yang rendah merupakan faktor penting berlakunya tingkah laku ketagihan. Dua komponen kecerdasan emosi yang memainkan peranan penting dalam isu ketagihan adalah *decoding and differentiation of emotions* dan mengawalatur emosi.

Peranan kecerdasan emosi dalam konteks pendidikan dan sekolah tidak dapat dinafikan. Zeidner et al. (2002) misalnya meneliti kajian-kajian lepas yang melibatkan program intervensi. Kajian literatur tersebut mendapati hampir semua reka bentuk kajian-kajian intervensi tidak menepati reka bentuk program kecerdasan emosi dan literatur ke atas kajian-kajian program intervensi juga terhad. Seterusnya, Zeidner et al. (2004) mengkaji kajian-kajian kecerdasan emosi di tempat kerja. Keputusan kajian memperlihatkan bukti-bukti kajian terhadap hubungan antara kecerdasan emosi dan prestasi kerja adalah terhad dan lazimnya keputusan kajian adalah bertentangan dengan kajian-kajian lepas. Berbeza dengan kajian-kajian literatur bersistematik yang lain, Akerjordet dan Severinsson (2007) meneliti kecerdasan emosi daripada perspektif empirikal dan epistemologi. Berdasarkan kajian-kajian yang diteliti, kecerdasan emosi daripada perspektif epistemologi paling banyak digunakan dalam kajian-kajian lepas dan hanya sedikit kajian menggunakan perspektif kemanusiaan atau falsafah. Tiada perdebatan atau isu sama ada kecerdasan emosi adalah kebolehan individu, kemahiran bukan kognitif, keupayaan atau kecekapan.

Conte (2005) meneliti kajian-kajian lepas berkaitan dengan pengukuran kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi diukur berdasarkan kandungan dan kaedah penaksiran. Kebanyakan kajian-kajian lepas menggunakan pendekatan laporan sendiri berteraskan personaliti, pendekatan informan atau pendekatan berteraskan penaksiran kebolehan apabila mengukur kecerdasan emosi. Empat alat ujian kajian utama dalam mengukur kecerdasan emosi ialah *Emotional Competency Inventory*, *Emotional Quotient Inventory*, *Multifactor Emotional Intelligence Scale* dan *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test*. Sungguhpun keempat-empat alat ujian kajian kecerdasan emosi adalah sah dan boleh dipercayai dari segi psikometrik, kajian Conte (2005) ini mencadangkan bahawa alat ujian kajian kecerdasan emosi yang menggunakan pendekatan kebolehan adalah lebih terbaik.

## Metodologi Penyelidikan


Pangkalan data seperti PsycINFO, Scopus, Google Scholar dan Sagepub telah digunakan untuk mencari artikel dalam tempoh 15 tahun diterbitkan. Artikel yang diperolehi diterbitkan daripada jurnal saintifik berbahasa Inggeris. Tag digunakan bagi artikel yang relevan apabila mengandungi kata kunci seperti “emotional intelligence” atau terdapat perkataan kecerdasan emosi dalam tajuk atau abstrak, bersama satu atau lebih perkataan lain seperti jantina atau gender. Carian dalam PsycINFO, Scopus, Google Scholar dan Sagepub juga menggunakan perkataan tambahan seperti “gender differences”, “emotional quotient” dan “gender and emotions”.

### Kriteria inklusi dan eksklusi

Kriteria pertama untuk terpilih dalam kajian literatur bersistematik ialah kajian empirikal tentang perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina. Kajian-kajian yang meneliti teori kecerdasan emosi, literatur dan analisis meta dikeluarkan daripada analisis. Oleh itu, pengkaji telah memilih kajian yang mengkaji perbezaan antara jantina dan kecerdasan emosi tanpa mengira jenis kecerdasan emosi dan peringkat umur. Semua kajian yang dipilih perlu menggunakan alat ujian kajian untuk mengukur kecerdasan emosi. Oleh itu, pengkaji telah mengecualikan kajian berdasarkan pemboleh ubah yang tidak mengukur kecerdasan emosi. Hasil tapisan tersebut, 12 kajian yang diterbitkan bermula pada tahun 2001-2016 dan relevan untuk dianalisis.

### Proses pemilihan artikel

Pencarian pangkalan data telah mengenal pasti 12 kajian yang berkaitan iaitu tiga artikel daripada Sciencedirect, empat daripada PsycINFO, dua masing-masing daripada Google Scholar dan SagePub manakala satu artikel daripada JSTOR. Beberapa langkah digunakan dalam proses pemilihan artikel. Langkah pertama ialah dengan mengenal pasti artikel dalam enjin pencarian ( $n=417$ ). Kedua, meneliti kajian yang berpotensi dan layak ( $n=143$ ). Ketiga, penghapusan berdasarkan tajuk dan abstrak ( $n=109$ ). Keempat, memilih hanya kajian yang layak dari segi pencarian pangkalan data ( $n=34$ ). Akhirnya, hanya kajian berpotensi berdasarkan teks penuh dan tapisan dilakukan berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi sebanyak 12 artikel (Rajah 1).



Rajah 1: Proses pemilihan artikel

### Ciri-ciri umum kajian

Maklumat utama kajian (Jadual 1) mengandungi objektif, reka bentuk kajian, alat ujian kajian, sampel, analisis statistik dan keputusan kajian. Semua artikel menggunakan reka bentuk kajian rentas. Alat ujian kajian yang digunakan ialah *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT)*, *Emotional Intelligence Test (EIT)*, *Emotional Intelligence Scale (EIS)*, *Trait Emotional Intelligence Questionnaire-Short Form (TEIQue-SF)*, *Baron Emotional Quotient Inventory (BarOn EQ-i)* dan *Emotional Intelligence Inventory (EIV)*.

### Keputusan kajian

Sebanyak 12 kajian yang telah dikenal pasti meneliti perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina (Jadual 1). Secara keseluruhannya penelitian yang dilakukan, tujuh daripada 12 kajian membuktikan bahawa perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi dalam kecerdasan emosi berbanding lelaki, dua kajian menunjukkan lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding perempuan dan dua kajian membuktikan bahawa tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam kecerdasan emosi. Sungguhpun tujuh kajian menunjukkan bahawa skor kecerdasan emosi dalam kalangan wanita adalah lebih tinggi berbanding lelaki tetapi perbezaan yang ditunjukkan tidak begitu ketara. Fernández-Berrocal et al. (2012) meneliti perbezaan jantina dari segi kecerdasan emosi dengan mengambil kira faktor umur sebagai kesan pengantara. Bagi memastikan objektif kajian dicapai, kajian ini telah menggunakan satu set soalselidik iaitu *Mayer-Salovey-Caruso Emotional Test (MSCEIT)* untuk mengukur kecerdasan emosi manakala umur dijadikan pemboleh ubah kawalan dan interaksi antara umur dan jantina dianalisis bagi menentukan kesan umur ke atas kecerdasan emosi. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa umur bertindak sebagai faktor pengantara sepenuhnya dalam hubungan antara jantina dan kecerdasan emosi. Analisis deskriptif kajian ini juga menunjukkan skor min bagi kecerdasan emosi antara lelaki dan perempuan adalah

berbeza yang mana perempuan memperoleh skor min yang lebih tinggi berbanding lelaki. Ujian MANOVA juga menunjukkan bahawa perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam hampir semua dimensi (strategik, pemudahan, memahami, mengurus) kecuali dimensi persepsi dan pengalaman. Bagaimanapun, keputusan kajian memperlihatkan bahawa tiada perbezaan kecerdasan emosi dari segi jantina sebaliknya umur menyumbang sebanyak 13% ke atas kecerdasan emosi.

Keputusan yang sama diperoleh daripada kajian Garg dan Singh (2016) yang menjalankan kajian ke atas sekumpulan pelajar sekolah menengah. Emotional Intelligence Test yang dibina oleh Sharma (2011) digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi. Keputusan kajian mendapati bahawa tiada perbezaan hampir semua dimensi kecerdasan emosi mengikut jantina (kesedaran sendiri, mengurus emosi, empati, mengendalikan perhubungan) kecuali dimensi motivasi-kendiri yang mana lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding perempuan.

Berlainan dengan dua kajian di atas, kajian oleh Rooy et al. (2005), golongan wanita melaporkan skor yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam kecerdasan emosi. Kajian yang dijalankan ke atas 275 pelajar prasiswazah (59 lelaki; 216 perempuan; min umur 22.18 tahun) menggunakan *Emotional Intelligence Scale* (EIS, Schutte et al., 1998) untuk mengukur kecerdasan emosi. Bagaimanapun, keputusan kajian menunjukkan bahawa kesan saiz dan kesan penyederhana antara gender dan umur didapati tidak signifikan. Keputusan yang hampir sama ditemui dalam kajian yang dijalankan oleh Ciarrochi et al. (2001) iaitu kecerdasan emosi adalah berbeza antara lelaki dan perempuan yang mana perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding lelaki. Bagaimanapun, perempuan didapati tidak meluahkan emosi sendiri dalam mengawal atur emosi sendiri. Ciarrochi et al. seterusnya menganalisis dengan lebih lanjut dengan meneliti hubungan antara kecerdasan emosi dengan sokongan sosial. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa kecerdasan emosi berhubungan secara signifikan dan positif dengan sokongan sosial. Keputusan kajian adalah konsisten dengan kajian-kajian oleh Katyal dan Awasthi (2005), Salguero et al. (2012) dan Cabello et al. (2016).

Kajian-kajian kecerdasan emosi seterusnya menghubungkan antara kecerdasan emosi dan jantina dengan umur dan pencapaian akademik (Nasir & Masrur, 2010), gaya kepimpinan (Mandell & Pherwani, 2003) dan ketakupayaan pembelajaran (Reiff et al., 2001). Nasir dan Masrur (2010) meneliti kepentingan kecerdasan emosi dalam pencapaian akademik. Analisis awal menunjukkan tiada perbezaan dalam kecerdasan emosi mengikut jantina dan umur. Bagaimanapun, analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi, pencapaian akademik dan umur. Analisis regresi menerangkan bahawa kecerdasan emosi meramal ke atas pencapaian akademik sebanyak 17%. Kecerdasan emosi juga dikaitkan dengan ketakupayaan pembelajaran dan jantina. Reiff et al. (2001) mengkaji ketakupayaan pembelajaran dalam kalangan pelajar kolej. Kajian yang dijalankan oleh Reiff dan rakan-rakan menggunakan alat ujian *Emotional Quotient Inventory* (EQ-I, BarOn, 1997) untuk mengukur kecerdasan emosi. Faktor lain yang diukur ialah pencapaian akademik, kemahiran interpersonal dan intrapersonal, pengurusan tekanan, penyesuaian dan mood. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa pelajar ketakupayaan pembelajaran memperoleh skor yang rendah dalam pencapaian akademik, kemahiran interpersonal dan intrapersonal, pengurusan tekanan, penyesuaian dan mood berbanding dengan pelajar yang tiada ketakupayaan pembelajaran. Perbezaan dari segi jantina dalam kecerdasan emosi dilaporkan menggunakan nilai min yang menunjukkan lelaki memperoleh skor min kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding perempuan. Kecerdasan emosi seterusnya

dikaitkan dengan gaya kepemimpinan (Mandell & Pherwani, 2003). Analisis regresi hierarki digunakan bagi menentukan faktor peramal antara kecerdasan emosi dengan gaya kepemimpinan dalam kalangan pengurus dan penyelia dan menentukan interaksi antara kecerdasan emosi dan jantina. Keputusan kajian memperlihatkan terdapat hubungan linear antara kecerdasan emosi dengan gaya kepemimpinan, bagaimanapun, jantina tidak menentukan faktor pengaruh kecerdasan emosi ke atas gaya kepemimpinan.

Seterusnya, terdapat dua kajian yang menunjukkan lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding perempuan dalam kecerdasan emosi (Bindu & Thomas, 2006; Kaur, 2010). Kajian Bindu dan Thomas (2006) melaporkan bahawa skor min kecerdasan emosi bagi lelaki lebih tinggi (180.63) daripada perempuan (166.28). Keputusan yang sama turut diperoleh oleh kajian Kaur (2010).

Jadual 1: Kajian-kajian jantina dan kecerdasan emosi

Kajian	Objektif	Reka bentuk kajian	Alat tujuan kajian EQ	Sampel ( <i>n</i> )	Analisis statistik	Keputusan utama kajian
Katyal & Awasthi (2005)	Meneliti tahap EQ (rendah, bagus, superior) dan perbezaan jantina dalam EI dalam kalangan remaja Chandigarh	Kajian kuantitatif	Emotional Intelligent Test (EIT)	Total=150 (75 lelaki; 75 perempuan)	Ujian t	Perempuan lebih tinggi EQ berbanding lelaki dengan sedikit perbezaan (skor min lelaki 122.64; perempuan 123.01) Kedua-dua responden mempunyai tahap EQ yang rendah (lelaki 26.66; perempuan 20.00)
Nasir & Masrur (2010)	Menentukan perkaitan antara kecerdasan emosi dengan jantina, umur dan pencapaian akademik	Kajian kuantitatif	BarOn Emotional Quotient Inventory (EQi)	Total=132 (66 lelaki; 66 perempuan)	Ujian t	Perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi (460.39) berbanding lelaki (min 459.36)
Mandell & Pherwani (2003)	Menentukan faktor peramal ke atas kecerdasan emosi dan perbezaan jantina dalam kecerdasan emosi dan gaya kepimpinan	Kajian kuantitatif	BarOn Emotional Quotient Inventory (EQi)	Total=32 peserta lelaki dan perempuan yang terdiri daripada pengurus dan penyelia	Ujian t	Perempuan memperoleh skor min yang lebih tinggi (109.58) berbanding lelaki dalam kecerdasan emosi (98.31)
Reiff, Hatzes, Bramel, & Gibbon (2001)	Menentukan perkaitan antara ketakupayaan pembelajaran (LD) dengan kecerdasan emosi mengikut jantina	Kajian kuantitatif	BarOn Emotional Quotient Inventory (EQi)	Pelajar LD: 128 (32 lelaki; 3 pelajar tanpa LD: 74 (34 lelaki; 40 perempuan)	MANOVA	Bagi individu tanpa ketakupayaan pembelajaran, kecerdasan emosi golongan perempuan lebih tinggi berbanding lelaki manakala individu yang mempunyai ketakupayaan pembelajaran, lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding perempuan

Van Rooy, Alonso, & Viswesvaran (2005)	Menentukan perbezaan kumpulan (jantina, etnik, umur) dengan kecerdasan emosi	Kajian kuantitatif	Emotional Intelligence Scale (EIS; Schutte et al., 1998)	Total=275 (59 lelaki; 216 perempuan)	Ujian t	EQ lelaki lebih tinggi berbanding perempuan (skor in lelaki 130 .09; perempuan 127.15) manakala etnik <i>Hispanik</i> dan <i>black</i> pula skor lebih tinggi dari etnik <i>whites</i>
Salquero, Extremera, & Fernández-Berrocal (2012)	Meneliti peranan jantina dalam kebolehan kecerdasan emosi dan hubungannya dengan kemurungan	Kajian kuantitatif	Mayer, Salovey, Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEI) dan Beck Depression Inventory (BDI; Beck & Steer, 1987)	Total=620 (280 lelaki; 340 perempuan)	ANOVA & ujian Regresi	Perempuan mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi berbandin lelaki {Skor min lelaki 96.01 (SD 14.48); perempuan 103.32 (SD 13.37)}. Analisis interaksi perkaitan antara jantina dan EQ dalam kemurungan menunjukkan EQ yang rendah dikaitkan dengan peningkatan kemurungan dalam kalangan lelaki.
Cabello, Sorrel, Fernández-Pinto, Extremera, & Fernández-Beroccal (2016)	Menganalisis kebolehan kecerdasan emosi dalam kalangan orang dewasa Spanish yang berumur 17-76 tahun.	Kajian kuantitatif	Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT)	Total=12,198 (6,899 lelaki; 5,299 perempuan)	Ujian t	perempuan menunjukkan EQ yang lebih tinggi berbanding lelaki (skor min lelaki 97.37; perempuan 102.25)
Ciarrochi, Chan, & Bajgar (2001)	Menentukan perbezaan kecerdasan emosi dari segi jantina dan menilai kesahan alat ujian kajian	Kajian kuantitatif	Emotional Intelligence Scale (EIS; Schutte et al., 1998)	Total=131 (73 lelaki; 58 perempuan)	ANOVA	Perempuan melaporkan kecerdasan emosi yang lebih tinggi berbanding lelaki dalam semua dimensi kecuali dimensi pengluahan emosi sendiri dan pengalaman

Kaur (2010)	Menentukan perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina dalam kalangan remaja India	Kajian kuantitatif	Emotional Intelligence test (Hyde et al., 2002)	Total=198 (100 lelaki; 98 perempuan)	Ujian t	Lelaki memperoleh skor yang lebih tinggi hampir semua dimensi kecerdasan emosi berbanding perempuan
Bindu & Thomas (2006)	Memahami ciri- ciri dan hubungan yang wujud antara kecerdasan dan kreativiti ke atas kecerdasan emosi dan salah suai	Kajian kuantitatif	Mathew Test of Mental Abilities: Non-Verbal (mengukur 5 dimensi) & Emotional Intelligence Inventory (3 dimensi)	Total=90 (27 lelaki; 63 perempuan )	Ujian t	Lelaki menunjukkan numerical IQ, spatial IQ, overall IQ, interpersonal efficacy, intrapersonal efficacy, and overall EQ yang lebih tinggi berbanding perempuan. Manakala salah suai, kefasihan dan keseluruhan kreativiti menunjukkan bahawa perempuan lebih tinggi berbanding lelaki dengan skor min keseluruhan EQ lelaki 180.63 dan perempuan 168.29.
Garg & Singh (2016)	Menentukan perbezaan kecerdasan emosi mengikut jantina, jenis dan lokasi sekolah	Kajian kuantitatif	Emotional Intelligence Test (5 dimensi; 60 item)	Total=400 (200 lelaki; 200 perempuan )	Ujian t	Tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam kelima-lima dimensi (skor min lelaki 203.48; perempuan 203.34)
Fernández-Berrocal, Cabello, Castillo, & Extremera (2012)	Meneliti umur sebagai kesan pengantara dalam hubungan antara jantina dan kecerdasan emosi	Kajian kuantitatif	Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT)	Total=559 (170 lelaki; 389 perempuan)	MANOVA	Semua dimensi kecerdasan emosi menunjukkan perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi berbanding lelaki kecuali dimensi persepsi dan pengalaman. Tiada perbezaan kecerdasan emosi dari segi gender. Sebaliknya umur menyumbang sebagai 13% varians dalam menerangkan kecerdasan emosi.

## Perbincangan dan kesimpulan

Secara keseluruhannya, analisis literature bersistematik meneliti perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam kecerdasan emosi. Amnya, keputusan kajian memperlihatkan bahawa skor kecerdasan emosi yang diperoleh oleh perempuan adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Keputusan kajian ini adalah konsisten dengan mengikut jantina. Keputusan kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan laporan sendiri walaupun berbeza menghasilkan keputusan yang konsisten.

Keputusan kajian ini mungkin boleh dijelaskan melalui faktor perubahan hormon lebih memihak kepada golongan wanita, lantas menjadikan perempuan lebih terkenal dengan tingkah laku beremosi, perempuan kelihatannya lebih banyak menyedari emosi mereka, lebih berempati dan lebih mahir mengurus emosi mereka. Lelaki, sebaliknya, lebih cenderung kepada keyakinan diri, bersikap optimis dan mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran sosial.

Kajian-kajian kecerdasan emosi dalam kalangan remaja, pelajar kolej dan universiti serta pekerja mempamerkan keputusan yang hampir sama iaitu perempuan memperoleh skor yang lebih tinggi dalam kecerdasan emosi. Ini boleh dijelaskan melalui teori kecerdasan emosi yang melihat kecekapan individu dalam menekankan kefungsi emosi dari sudut sosial dan efikasi-kendiri emosi (Saarni, 1999). Perkara ini dijelaskan lagi bahawa kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam mengurus pembangunan sosial dan menyumbang kepada kualiti perhubungan (Schutte et al., 2001). Kelihatannya kecerdasan emosi merupakan keupayaan individu untuk memahami emosi sendiri dan orang lain serta mampu mengekalkan perhubungan sosial. Ini bermakna, keputusan kajian-kajian lepas memperlihatkan perempuan lebih berupaya memahami emosi sendiri dan orang lain serta mampu mengekalkan perhubungan sosial.

Hampir semua kajian dalam literatur bersistematik menggunakan soal selidik untuk mengukur kecerdasan emosi. Keputusan kajian adalah konsisten dan jelas bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan dalam kecerdasan emosi dan empat kajian memperlihatkan kepentingan kecerdasan emosi terhadap faktor sosial dan psikologi seperti kemahiran interpersonal dan intrapersonal, pengurusan tekanan, penyesuaian dan mood, sokongan sosial serta gaya kepimpinan.

### Limitasi kajian

Sungguhpun kajian-kajian yang diteliti membolehkan kami mengenal pasti perbezaan jantina dalam kecerdasan emosi, beberapa limitasi kajian telah dikenal pasti. Pertama, tiada kajian yang diteliti menggunakan reka bentuk kajian jangka panjang. Kedua, tiada satu kajian yang dijalankan menggunakan reka bentuk eksperimen menyebabkan hubungan sebab akibat tidak dapat dijelaskan. Ketiga, semua kajian yang diteliti menggunakan laporan sendiri bagi mengukur kecerdasan emosi. Keempat, hanya satu kajian menjalankan kajian ke atas populasi sementara 10 kajian memilih pelajar sebagai sampel kajian dan satu kajian memilih pekerja.

Walaupun kajian literatur bersistematik ini mempunyai limitasi, beberapa cadangan untuk kajian masa depan bagi mengatasi kepongakan kajian iaitu perlunya kajian eksperimen bagi memperkukuhkan lagi penemuan kajian dalam konteks hubungan sebab-akibat antara pemboleh ubah. Kajian literatur bersistematik ini juga mencadangkan pemilihan sampel

daripada institusi, pesakit psikiatrik dan pekerja di agensi kerajaan dan swasta serta bidang pekerjaan yang memerlukan kecerdasan emosi apabila berinteraksi dengan orang lain. Kajian akan datang juga dicadangkan meneliti kecerdasan emosi daripada sudut budaya, agama, etnik, kerohanian, resilien dan daya tindak bagi memperoleh gambaran yang lebih luas tentang pembangunan kecerdasan emosi.

## Kesimpulan

Ringkasannya, penemuan kajian literatur memberi gambaran yang jelas tentang perbezaan jantina dalam kecerdasan emosi. Ia turut menyediakan pengetahuan am tentang pentingnya mengambilkira faktor jantina dalam kecerdasan emosi dalam pelbagai latar yang melibatkan interaksi sosial dan memerlukan keupayaan mengurus dan mengawal atur emosi seperti sekolah, tempat kerja dan komuniti. Bersandarkan kepada pengetahuan kami tentang kajian-kajian kecerdasan emosi, kajian literatur bersistematik ini merupakan kajian pertama yang meneliti daripada sudut gender serta mengenal pasti beberapa faktor yang mungkin berkait rapat dengan kecerdasan emosi. Literatur ini penting bukan sahaja membantu mengisi kepongkangan kajian malahan ia membantu para sarjana dan pengamal profesional memikirkan program-program pembangunan insan bagi membantu memantapkan lagi aspek pengurusan dan mengawal atur emosi.

## Rujukan

- Akerjordet, K., & Severinsson, E. (2007). Emotional intelligence: a review of the literature with specific focus on empirical and epistemological perspectives. *Journal of Clinical Nursing, 16*(8), 1405-1416.
- Akerjordet, K., & Severinsson, E. (2010). The state of the science of emotional intelligence related to nursing leadership: an integrative review. *Journal of Nursing Management, 18*(4), 363-382.
- Bindu, P., & Thomas, I. (2006). Gender differences in emotional intelligence. *Psychological Studies-University of Calicut, 51*(4), 261-268.
- Ciarrochi, J., Hynes, K., & Crittenden, N. (2005). Can men do better if they try harder: Sex and motivational effects on emotional awareness. *Cognition & Emotion, 19*(1), 133-141.
- Candela Agulló, C., Barberá Heredia, E., Ramos López, A., & Sarrió Catalá, M. (2002). Inteligencia emocional y la variable género. *Revista electrónica de emoción y motivación REME, 5*(10), 167-182.
- Cabello, R., Sorrel, M. A., Fernández-Pinto, I., Extremera, N., & Fernández-Berrocal, P. (2016). Age and gender differences in ability emotional intelligence in adults: A cross-sectional study. *Developmental Psychology, 52*(9), 1486-1492.
- Ciarrochi, J., Chan, A. Y., & Bajgar, J. (2001). Measuring emotional intelligence in adolescents. *Personality and Individual Differences, 31*(7), 1105-1119.
- Conte, J. M. (2005). A review and critique of emotional intelligence measures. *Journal of Organizational Behavior, 26*(4), 433-440.
- Fernández-Berrocal, P., Cabello, R., Castillo, R., & Extremera, N. (2012). Gender differences in emotional intelligence: The mediating effect of age. *Psicología Conductual, 20*(1), 77-89.
- Fernández-Berrocal, P., Salovey, P., Vera, A., Extremera, N., & Ramos, N. (2005). Cultural influences on the relation between perceived emotional intelligence and depression. *International Review of Social Psychology, 18*(1), 91-107.
- García-Sancho, E., Salguero, J. M., & Fernández-Berrocal, P. (2014). Relationship between emotional intelligence and aggression: A systematic review. *Aggression and Violent Behavior, 19*(5), 584-591.

- Garg, S., & Singh, A. J. (2016). Emotional intelligence of high school students. *International Journal of Education and Management Studies*, 6(3), 406-631.
- Geher, G., Betancourt, K., & Jewell, O. (2017). The link between emotional intelligence and creativity. *Imagination, Cognition and Personality*, 37(1), 5-22.
- Grinnell, R. (2016). Intelligence Quotient. *Psych Central*. Retrieved on October 26, 2018, from <https://psychcentral.com/encyclopedia/intelligence-quotient/>
- Katyal, S., & Awasthi, E. (2005). Gender differences in emotional intelligence among adolescents of Chandigarh. *Journal of Human Ecology*, 17(2), 153-155.
- Kaur, J. (2010). Gender Differences in Emotional intelligence among Indian Adolescents. *Journal of Social & Psychological Sciences*, 3(2), 41-52.
- Kun, B., & Demetrovics, Z. (2010). Emotional intelligence and addictions: a systematic review. *Substance Use & Misuse*, 45(7-8), 1131-1160.
- Laborde, S., Dosseville, F., & Allen, M. S. (2016). Emotional Intelligence in Sport and Exercise: A Systematic Review. *Scandinavian Journal of Medicine & Science in Sports*, 26(8), 862-874.
- Laborde, S., Lautenbach, F., Allen, M. S., Herbert, C., & Achtzehn, S. (2014). The role of trait emotional intelligence in emotion regulation and performance under pressure. *Personality and Individual Differences*, 57, 43-47.
- Mandell, B., & Pherwani, S. (2003). Relationship between emotional intelligence and transformational leadership style: A gender comparison. *Journal of Business and Psychology*, 17(3), 387-404.
- Nasir, M., & Masrur, R. (2010). An exploration of emotional intelligence of the students of IIUI in relation to gender, age and academic achievement. *Bulletin of Education and Research*, 32(1), 37-51.
- Reiff, H. B., Hatzes, N. M., Bramel, M. H., & Gibbon, T. (2001). The relation of LD and gender with emotional intelligence in college students. *Journal of Learning Disabilities*, 34(1), 66-78.
- Rhodes, D. L. (2008). Is emotional intelligence worthwhile? Assessing incremental validity and adverse impact. Unpublished degree's thesis. Texas A&M University, United States of America.
- Salguero, J. M., Extremera, N., & Fernández-Berrocal, P. (2012). Emotional intelligence and depression: The moderator role of gender. *Personality and Individual Differences*, 53(1), 29-32.
- Schutte, N. S., Malouff, J. M., Bobik, C., Coston, T. D., Greeson, C., Jedlicka, C., ... & Wendorf, G. (2001). Emotional intelligence and interpersonal relations. *The Journal of Social Psychology*, 141(4), 523-536.
- Van Rooy, D. L., Alonso, A., & Viswesvaran, C. (2005). Group differences in emotional intelligence scores: Theoretical and practical implications. *Personality and Individual Differences*, 38(3), 689-700.
- van der Linden, D., Pekaar, K. A., Bakker, A. B., Schermer, J. A., Vernon, P. A., Dunkel, C. S., & Petrides, K. V. (2017). Overlap between the general factor of personality and emotional intelligence: A meta-analysis. *Psychological Bulletin*, 143(1), 36-52.
- Zeidner, M., Roberts, R. D., & Matthews, G. (2002). Can emotional intelligence be schooled? A critical review. *Educational Psychologist*, 37(4), 215-231.
- Zeidner, M., Matthews, G., & Roberts, R. D. (2004). Emotional intelligence in the workplace: A critical review. *Applied Psychology*, 53(3), 371-399.